



MALAM PENGHARGAAN JAWATANKUASA AKTIVITI KEMAS, PELANCARAN 'RISDA SEED' DAN MENANDATANGANI MOU TISU KULTUR RISDA/MPOB

TEKS UCAPAN

DATO' HJH JAMALIAH BT KHAMIS
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH

DEWAN BANKUET, BANGUNAN MBSA,
SHAH ALAM

4 MAC 2008
8.30 MALAM

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Aziz bin Shamsuddin
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berhormat Dato' Ahmad Nawawi bin M. Zain
Exco Pendidikan, Sukan, Pembangunan Insan dan Penerangan
Negeri Selangor

Yang Berhormat Dato' Salamon bin Selamat

Yang Berbahagia Dato' Abdul Jabbar bin Che Nai
Timbalan Ketua Setiusaha KKLW

Yang Berbahagia Dato' Rahmah bt Hj. Kassim
Penasihat kepada Menteri KKLW

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat bin Hasan
Ketua Pengarah RISDA

Yang Berbahagia En. Puat bin
Ketua Pengarah KEMAS

Yang Berbahagia
Ketua Pengarah FELCRA

Yang Berbahagia
Ketua Pengarah JHEOA

Yang Berbahagia Dato' Dr. Choo Yuen May
Timb. Ketua Pengarah (R & D) mewakili Ketua Pengarah MPOB

dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

3

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapat kita hadir bersama-sama dalam Majlis 'Malam Penghargaan Jawatankuasa Aktiviti KEMAS, Pelancaran 'RISDA Seed' dan Menandatangani MOU Tisu Kultur RISDA/MPOB' pada hari ini. Bagi pihak KKLW, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Aziz

4

Shamsuddin, Menteri kita yang kita kasihi, kerana sudi melapangkan masa untuk hadir walaupun kita tahu beliau amat sibuk pada masa ini. Ucapan ribuan terima kasih juga kepada YB Dato' Nawawi, Exco Pendidikan Negeri Selangor dan YB Dato' Salamon atas sokongan dan keperihatinan Dato'-Dato' untuk turut serta dalam Majlis ini. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengalu-alukan kehadiran Ketua Pengarah KEMAS, RISDA, FELCRA, JHEOA serta MPOB, satu kehadiran yang melambangkan semangat kekitaan dalam keinginan untuk melihat Negara kita berjaya.

5

2.0 PELANCARAN 'RISDA SEED'

Pada malam ini YB Menteri KKLW akan melancarkan benih sawit 'RISDA Seed'. Pengeluaran biji benih cambah sawit RISDA SEED adalah hasil kerjasama erat diantara pihak MPOB dengan RISDA bermula dari tahun 1999. Pengeluaran RISDA SEED bermula dari tahun 2000 bermula dengan pajakan pokok - pokok induk dura di ladang MPOB di Ulu Paka, Bandar AMBS Terengganu. Pembangunan RISDA SEED bermula dari tahun 2000 hinggalah pada masa ini. Jumlah pengeluaran biji cambah RISDA SEED setakat ini telah mencecah lebih 5 juta biji cambah dimana ia telah

6

dibekalkan kepada pekebun kecil dalam program tanam semula RISDA.

2. Pengeluaran RISDA Seed pada peringkat awal ini bertujuan untuk menampung keperluan biji cambah pekebun kecil, dimana sektor ini memerlukan sekurang - kurangnya 2.25 juta anak benih sawit setahun. Kapasiti pengeluaran RISDA SEED semasa sekitar 700,000 biji cambah setahun dan baki keperluan didapatkan dari sumber pembekal biji cambah yang lain, untuk menampung keperluan tersebut.

7

3. Disamping itu kakitangan RISDA dapat dilatih disegi kemahiran pengendalian makmal, serta perkara - perkara berkaitan dengan pengeluaran biji benih cambah sawit yang akan dikeluarkan daripada ladang ' seed garden' milik RISDA sendiri di Ladang RISDA Kampong Changkat Sulaiman, Sungkai Perak.

4. Ladang SEED Garden RISDA ini akan berupaya mengeluarkan bahan tanaman biji cambah RISDA SEED sepenuhnya dalam tahun 2012. Adalah dijangka jumlah tahunan pengeluaran RISDA SEED ketika itu melebihi daripada 5 juta biji cambah setahun dimana ia mencukupi untuk keperluan tanam

8

semula RISDA dan juga boleh membekalkan kepada pekebun kecil lain.

5. RISDA SEED berkeupayaan menghasilkan BTS melebihi 30 metrik tan sehektar setahun, berciri lambat meninggi dimana tempoh kutipan buah yang panjang. Salah satu kejayaan RISDA Seed adalah pencapaian hingga 42 mt/ha/tahun di Ladang RISDA Gunung Tunggal, Perak walaupun ladang ini mempunyai tanah dari siri kelas 4 iaitu siri Sogomana.

9

6. Bekalan benih RISDA SEED, akan dapat menentukan pekebun kecil dapat dibekal dengan benih sawit tulen dan berkualiti, dengan harga yang berpatutan.

7. Selaras dengan pembangunan ladang seed garden di Kampong Changkat Sulaiman , Sungkai, Perak RISDA juga telah mengorak langkah seterusnya kepada pembiakan benih sawit tisu kultur.

3. PROGRAM TISU KULTUR RISDA/MPOB

1. Berdasarkan kepada bancian RISDA yang dijalankan pada tahun 2002, didapati keluasan tanah Pekebun Kecil yang ditanam dengan sawit adalah seluas 283,678 hektar. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan seluas 100,000 hektar kebun sawit berumur lebih 20 tahun dan kira – kira 59,900 hektar berumur lebih 25 tahun. Kebun - kebun tersebut tidak lagi dapat mengeluarkan hasil yang tinggi dan tidak diuruskan dengan sempurna serta perlu ditanam semula bagi memberi pulangan yang lebih baik.

11

2. Bagi tanaman sawit, Visi negara mensasarkan 35 mt Buah Tandan Segar (BTS) sehektar dan 25% kadar perahan Minyak Sawit Mentah (MSM).

3. Selaras dengan visi di atas, RISDA sedang dalam usaha menyediakan benih yang berkualiti tinggi, mempunyai pertumbuhan yang seragam dan penghasilan minyak yang tinggi. Keperluan benih sawit bagi keluasan kebun di atas adalah lebih daripada 23.67 juta pokok. Buat masa ini sumber benih adalah daripada semaian RSSB.

12

4. Program Kultur Tisu Sawit RISDA dengan kerjasama MPOB telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa RISDA dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa RISDA Bil 193 / 2007 pada 18 Mei 2007.

5. Peruntukan untuk Pembinaan Makmal Kultur Tisu Sawit ini adalah daripada peruntukan Skim 1956 / 1959 yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Skim 1956 / 1959 pada 6 September 2007 sebanyak RM3.15 juta.

13

6. Melalui kajian MPOB, benih kultur tisu sawit dipilih daripada 'ortet' berkualiti mempunyai ciri – ciri yang baik seperti :-

6.1 Nisbah minyak dengan tandan melebihi 28 % berbanding konvensional sebanyak 24 %.

6.2 Keseragaman pertumbuhan dan produktiviti yang tinggi.

14

6.3 Menghasilkan bilangan tandan yang banyak dan hasil boleh melebihi 30 mt / ha / thn bagi tanah pendalaman.

6.4 Peningkatan hasil yang berterusan untuk tempoh satu pusingan hayat ekonomi pokok sawit matang (22 tahun) adalah satu manfaat yang besar kepada Pekebun Kecil.

15

7. RISDA akan membina sebuah kompleks makmal tisu kultur lengkap di Bangi Selangor yang dijangka siap pada Februari 2009.

8. Bagi program awalan, RISDA akan membeli 'Rooted Plantlets' iaitu produk akhir di makmal kultur tisu dari MPOB sebanyak 2,000 pokok pada bulan April 2008. 'Rooted Plantlets harden' ini akan melalui proses 'Acclimitization' di tapak semaian RISDA berhampiran tapak makmal kultur tisu RISDA DI Bangi, Selangor. Langkah ini merupakan tindakan awal untuk

16

membiasakan pekerja makmal dalam menjaga benih kultur tisu ini.

9. MOU ini akan menggariskan kerjasama dan pemindahan teknologi antara MPOB kepada RISDA meliputi Pemindahan Teknologi, Khidmat Nasihat bagi pembinaan makmal dan operasi makmal tisu kultur.

4.0 PERSEDIAAN SOFTWARE (LATIHAN)

Sebagai persediaan, RISDA telah menggubal Skim Latihan untuk Pegawai dan Kakitangan RISDA khusus dalam bidang-bidang yang berkaitan. Sebagai contoh, RISDA telah pun kenalpasti pegawai RISDA untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Masters dan PhD khusus dalam Agronomi dan Tisu Kultur.

5.0 PENUTUP

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana sebentar lagi YB Menteri akan menyampaikan ucapan yang penting untuk kita hayati. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Dato' Seri di atas kesudian untuk menghadiri Majlis pada hari ini. Juga terima kasih kami kepada YB Dato' Nawawi dan YB Dato' Salamon serta para jemputan yang hadir. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Majlis ini atas kesungguhan menjayakan majlis ini. Saya berdoa semoga Majlis kita pada hari ini membuahkan hasil seperti yang diharapkan.

19

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah. Wsb.

20